



Monyet-monyet yang bersinggah di tempat menjemur baju blok A2

Foto Oleh Chelsea S. Kiffle

“Isu Kescurian Makanan Serba Sedikit Memberi Kesan Kepada Penghuni Kampung E”

Oleh Feviana Nata Sara Jeffers
feviananatasarajeffers@gmail.com

Sharie Viannie Leprus
sharievianne@yahoo.com

Kolej Kediaman E atau lebih dikenali sebagai Kampung E, merupakan salah satu kolej kediaman pelajar yang pertama dibuat untuk penginapan pelajar dalam Universiti Malaysia Sabah. Suka duka pengalaman daripada setiap pelajar kolej kediaman E ini sememangnya membawa kepada kenangan, dimana adanya pengalaman daripada gangguan hidupan liar yang datang menyerang pelajar kediaman. Kolej Kediaman E dibina berdekatan dengan habitat kepada hidupan liar seperti monyet. Pelbagai masalah atau isu pula ditimbulkan disebabkan hadirnya hidupan liar di tempat kediaman ini. Salahnya dimana? Adakah kawasan pembinaan asrama yang berdekatan dengan habitat haiwan liar ini menyebabkan habitat mereka diganggu atau mereka sememangnya diancam oleh kehadiran penempatan di Kampung E lalu menganggu penghuni asrama?

Sememangnya isu monyet ini bukanlah suatu isu yang baru jika dilihat akan kehadiran monyet yang berkeliaran. Malah kehadiran haiwan liar ini dilihat apabila hidupan liar ini terlalu selesa sehingga penghuni asrama terpaksa untuk mengelakkan diri daripada terjumpa akan monyet ini. Monyet yang datang berkeliaran di penempatan setiap blok pelajar tidak sama sekali takut dengan pelajar yang ada didalam kawasan penempatan berkeraian. Ini jelas dilihat bahawa adanya kehadiran monyet ini bukanlah suatu suasana yang asing bagi penghuni asrama Kampung E.

Berikut dengan masalah tersebut, isu yang kami kupas kali ini adalah berkenaan dengan “Kecurian Makanan” yang disebabkan oleh gangguan hidupan liar ini. Kutipan daripada pelbagai pendapat sememangnya memberikan kepada kita sejauh mana pandangan dan pendapat terhadap isu ini kepada diri pelajar kolej kediaman E yang menetap di kolej berkenaan. Beberapa pelajar terutamanya mereka yang menetap di Kolej Kediaman E ditemubual untuk mendapatkan lebih lagi pandangan atau pendapat yang boleh kami dengar bagi mewakilkan luahan suara mereka akan masalah yang sering berlaku di kediaman penempatan mereka.

Bagi pelajar tahun 2 daripada Fakulti Kemanusiaan, Seni, dan Warisan (FKSW) merangkap Exco Kebudayaan dan Kesenian Blok Ibnu Haitham (A3), Farah Nadhira binti Zairi, menyatakan akan pandangan mengenai isu kecurian makanan yang disebabkan oleh gangguan hidupan liar ini, dimana ia bersyukur kerana blok kediaman yang dia diami pada masa sekarang berada di tengah laluan jalan dan masalah seperti ini jarang berlaku tetapi adakalanya dimana monyet ini bertindak ekstrem dan datang ke blok kediaman tetapi tidak

sekerap blok yang lain. Namun dia juga menyatakan bahawa bagi blok mereka iaitu Blok A3 tidaklah seperti blok-blok yang lain.

Tetapi bagi pelajar blok kediaman Ibnu Qayyum atau lebih dikenali sebagai blok A2, Hernawati binti Rahman, pelajar tahun 2 daripada Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), menyatakan bahawa dia mempunyai pengalaman daripada gangguan monyet semestinya ada dalam 2-3 kali pada waktu hendak bersiap ke kuliah. “Pertama itu, bila saya sedang bersiap untuk pergi ke kelas, sedang saya memakai tudung, tiba-tiba ada monyet berdekatan dengan jendela. Saya berkeras untuk menghalau monyet tersebut untuk pergi namun sebaliknya kejadian yang terjadi tersebut membuatkan saya sendiri yang menyelamatkan diri kerana monyet itu seperti hendak menyerang” katanya. Dia turut menambah sejak adanya penangkapan yang dilakukan oleh pihak pengurusan Kolej Kediaman E tempoh hari menunjukkan jumlah kehadiran monyet ini semakin bertambah dan monyet-monyet ini lebih bersifat berani serta agresif untuk menganggu penghuni blok-blok kediaman.



Situasi dalam bilik seseorang mahasiswa selepas diserang monyet

Foto Oleh Sharie Viannie Leprus



Sampah-sarap yang diselongkar di merata-rata tempat

Foto Oleh Chelsea S. Kiffle

Manakala bagi Nooradiah binti Mudin, pelajar tahun 2 daripada Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) turut menyatakan pengalaman daripada gangguan monyet liar lebih daripada 5 kali dan selalunya gangguan monyet ini berlaku pada waktu pagi dan hanya menyedari kehadiran monyet erkenan sejurus mendengarkan teriakan daripada rakan sebilk sahaja. Kedua-dua pelajar blok A2 turut menambah isu kecurian makanan ini sememangnya adalah perkara biasa kerana datangnya monyet-monyet liar ini disebabkan lokasi kediamaan yang berdekatan dengan hutan dan spesis ini ada kalanya kekurangan sumber makanan lalu keluar daripada habitatnya dan memasuki kawasan kediamaan pelajar ini. Mereka juga berpendapat bagi pelajar yang kurang berkemampuan mereka mungkin akan terasa kerana datangnya monyet-monyet liar ini mencuri makanan yang disimpan.

Selain isu kecurian makanan juga terdapat juga masalah lain yang ditimbulkan oleh monyet ini. Kedua-dua rakan ini, Hernawati dan juga Nooradiah menyatakan bahawa monyet-monyet ini datang ke setiap blok kediamaan pelajar untuk menyelongkar sampah menjadikan sampah-sarap didalam tong sampah bertaburan di merata-rata tempat. Keadaan susah juga dilihat apabila datangnya monyet-monyet ini adakalanya meninggalkan najis. Kesan daripada najis binatang itu juga menyebabkan kain ampain yang dijemur diampaian terkena dengan najis haiwan berkenaan. Sekali gus keadaan seperti itu turut mengundang rasa tidak selesa didalam kalangan penghuni blok berkenaan.

Bagi Hernawati, kesan daripada gangguan monyet liar ini juga sememangnya membuatkan dia tidak berasa tenteram dan menjadikannya sentiasa berjaga-jaga akan kehadiran monyet liar ini. Dia turut menambah juga apabila dia hendak melelapkan mata ia berasa takut untuk membuka jendela kerana monyet-monyet liar ini boleh datang secara tiba-tiba dan mengejut. Oleh itu, keadaan yang dialaminya menjadikan dia tidak selesa untuk berehat di waktu petang.

Bagi Nooradiah pula, semestinya dalam menyatakan pandangannya kesan utama yang dia lihat adalah daripada segi

kebersihan terutamanya di bahagian blok kediamaannya. Ini kerana setiap kawasan blok diletakkan tong sampah untuk memudahkan pelajar kediamaan bloknya membuang sampah. Tetapi apabila datangnya monyet-monyet liar terutamanya diwaktu pagi membuatkan sampah-sarap yang masih ada didalam tong sampah diselongkar dan menyebabkan sampah-sarap tersebut berada di merata-rata tempat. Sekali gus baginya mengundang rasa tidak puas hati kerana tempat sampah yang sudah dibersihkan diselongkar balik dan timbul rasa simpati serta kasihan akan mereka yang bertanggungjawab dalam membersihkan kawasan blok kediamaan pelajar setiap hari. Ia berkata demikian kerana dia sering melihat terutamanya pekerja bahagian pembersihan datang untuk bersihkan dan mengutip sampah-sarap di setiap aras kediamaan pelajar.

Berkenaan dengan kepentingan setiap pelajar untuk mengambil berat dan prihatin dalam menangani kes seperti kecurian makanan dariapda monyet-monyet liar berkenaan. Farah Nadhira menyatakan bahawa setiap pelajar terutamanya bagi penghuni kediamaan supaya mengambil langkah berjaga-jaga agar barang-barang mereka dan terutamanya barang makanan diletakkan di tempat yang tertutup. Faktor kebersihan juga harus diambil kira dengan menggunakan kemudahan yang diberikan oleh pihak pengurusan hostel.

Selain itu juga, tindakan pihak atasan juga dalam menangkap monyet berkenaan melalui umpan sangkar di bahagian kawasan dimana monyet berkenaan sering datang mendapat pujian daripada Farah Nadhira kerana bertindak dengan sebaiknya. Dorongan dia kepada rakan-rakan lain juga dengan mengambil tindakan menjaga diri sendiri dan sentiasa membuang sampah di tempat yang disediakan bagi mengelakkan perhatian daripada haiwan liar lain seperti anjing, tikus, dan lain-lain.

Sebelum mengakhiri akan temubual dengan pelajar-pelajar kediamaan Kampung E, kesempatan turut diberikan kepada mereka dengan menyatakan cara atau langkah yang bagi mengatasi akan masalah isu kecurian makanan daripada haiwan liar ini. Bagi Hernawati, dia menyatakan bahawa sebagai seorang

pelajar kediamaan dalam Kampung E ini, langkah keselamatan harus ditingkatkan lagi. Ini kerana dia melihat bahawa pemasangan gril bagi setiap aras tingkap adalah perlu. Dia berkata demikian kerana dia melihat hanya aras bawah sahaja yang menggunakan gril tingkap manakala dibahagian aras atas pula pemasangan gril tidak dilakukan. Apabila dilihat daripada segi pihak atasan pula pemantauan bagi setiap masa dan aras adalah perlu bagi mengelakkan berlakunya adanya kehadiran monyet-monyet liar ini yang datang memasuki kediamaan pelajar.

Bagi Nooradiah pula tindakan daripada pihak kediamaan dengan menangkap monyet-monyet liar berkenaan dan meletakkannya dalam satu sangkar adalah satu langkah yang boleh digunakan. Ini adalah bagi memberikan keselesaan kepada penghuni kediamaan agar tidak berasa takut lagi. Berikutkan dengan penangkapan itu juga

monyet-monyet liar ini terdapat juga sisir baki spesis hidupan liar ini dan mereka lebih berani untuk memasuki melalui hadapan. Namun penangkapan yang dilakukan dan menempatkan spesis tersebut di tempat yang sepatutnya sedikit sebanyak membantu pelajar kediamaan Kampung E ini.

Sehubungan dengan itu, isu kecurian makanan daripada serangan monyet-monyet liar ini seharusnya diambil berat untuk kepentingan penghuni kediamaan Kampung E. Ini juga bagi kebaikan bersama dalam kediamaan, adanya pemantauan daripada semasa ke semasa juga memperlihatkan keprihatinan pihak atasan Kolej Kediamaan Kampung E yang sentiasa mendengar akan masalah seperti ini. Diharap dalam pandangan pelajar-pelajar berkenaan memberikan kepada kita akan kesedaran mereka dalam masalah seperti ini.



Monyet-monyet liar yang terperangkap

Foto Oleh EINO E-UMS